



21 JUL, 2024

20 anjing pengesan dadah dari India bantu kastam

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

20 anjing pengesan dadah dari India bantu kastam



Anis Rizana (dua dari kiri) meninjau tempat penyimpanan anjing pengesan dadah di Unit K-9, Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat JKDM di Nilai baru-baru ini.

NILAI - Sebanyak 20 anjing pengesan dadah jenis German Shepherd dan Labrador dari India diterima Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) baru-baru ini dalam usaha untuk membanteras kegiatan penyeludupan dadah.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, keseluruhan anjing pengesan dadah tersebut akan dikendalikan anggota JKDM dari seluruh Malaysia.

"Seramai 20 anggota kastam yang ditugaskan untuk mengendalikan anjing pengesan dadah ini akan diberikan latihan bagi mengendalikannya secara profesional dan terlatih sebelum mereka menjalankan tugas di lapangan," katanya menerusi lawatan ke Unit K-9, Cawangan Narkotik, Ibu Pejabat JKDM di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, lawatan tersebut dijalankan bagi meninjau pengoperasian dan keadaan bangunan pejabat di sini, di samping meninjau tempat penyimpanan anjing pengesan dadah berkenaan.

"Saya turut diberikan taklimat oleh jurulatih profesional dari India yang pakar melatih anjing-anjing dengan latihan khas bagi penugasan khusus untuk mengesan dadah.

"Selain itu, pemeriksaan turut dijalankan terhadap keadaan kenderaan pacuan empat roda bagi kegunaan membawa anjing pengesan dadah yang dilengkapi dengan sangkar berserta kabin dan sistem pengudaraan.

"Kelengkapan ini untuk memastikan keselamatan anjing jabatan adalah terjamin sepanjang tempoh pelaksanaan operasi pengesanan dadah," katanya.



21 JUL, 2024

20 anjing pengesan dadah dari India bantu kastam

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

NILAI - Sebanyak 20 anjing pengesan dadah jenis German Shepherd dan Labrador dari India diterima Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) baru-baru ini dalam usaha untuk membanteras kegiatan penyeludupan dadah. Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, keseluruhananjing pengesan dadah tersebut akan dikendalikan anggota JKDM dari seluruh Malaysia.